

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KEPADA JAWATANKUASA KERJA PELAJARAN UGAMA—PELAJARAN DEWASA DI BILIK GERAKAN NEGARA, KUALA LUMPUR PADA
6HB JULAI, 1962

Saya ucapkan banyak terima kasih kepada tuan-tuan semua kerana telah sudi menerima jemputan saya menjadi ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Pelajaran Ugama dalam Rancangan Pelajaran Dewasa Kementerian ini. Tuan-tuan telah bersusah payah datang dari jauh menghadiri mesyuarat yang pertama pada hari ini. Pengorbanan masa dan tenaga tuan-tuan itu adalah sangat-sangat saya hargakan dan saya percaya Majlis Mesyuarat kita pada hari ini akan dapat merangkapkan satu Sukatan Pelajaran Ugama Dewasa yang tegas untuk digunakan dalam kelas-kelas Pelajaran Dewasa yang diselenggarakan oleh Kementerian ini. Bagaimana tuan-tuan semua sedia maklum Kerajaan Perikatan pada masa ini sedang melancarkan Rancangan Pembangunan Luar Bandar dengan secara besar-besaran. Maka tujuan rancangan kemajuan tersebut adalah untuk memperbaiki kehidupan rakyat yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar sehingga dapat darjah kehidupan mereka itu disamakan dengan darjah hidup rakyat yang tinggal di dalam bandar-bandar. Dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini Kerajaan dengan seberapa daya upayanya memberi kemudahan-kemudahan kepada rakyat seperti jalan-jalanraya, tanah-tanah baru, pusat-pusat kesihatan, kelinik, balai-balairaya dan sebagainya. Tetapi segala kemudahan-kemudahan itu tidak akan dapat memberi guna dan faedah kepada rakyat dengan sepenuhnya jika rakyat sendiri tidak mempunyai semangat kesedaran dan semangat ingin maju.

Dengan sebab memandangkan keadaan yang semacam itulah maka Rancangan Pembangunan Luar Bandar Peringkat yang Kedua dilaksanakan. Dalam hal ini saya suka pula menjelaskan kepada tuan-tuan bahawa Rancangan Pembangunan Luar Bandar, Peringkat yang Kedua adalah rancangan mengerah tenaga rakyat dengan sepenuhnya untuk kebaikan rakyat sendiri dan untuk kemajuan Negara.

Jadi, satu daripada perkara-perkara yang mustahak dijalankan dalam rancangan tersebut adalah rancangan Pelajaran Dewasa. Kerana Kerajaan berpendapat bahawa sudah jadi tanggungjawab Kerajaan untuk memberi serba ilmu pengetahuan dan pelajaran kepada rakyat seluruhnya. Sebaliknya bagaimanakah rakyat-rakyat akan dapat menerima ilmu-ilmu tersebut kalau rakyat di kampung-kampung masih banyak yang buta huruf yakni tak boleh membaca dan menulis.

Yang demikian Pelajaran Dewasa yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang adalah bertujuan bukan sahaja mengajar rakyat supaya dapat membaca dan menulis malahan di samping itu mengajar pula rakyat serba ilmu pengetahuan asas dan seterusnya ilmu-ilmu mata-pencarian, moga-moga dengan rakyat semua celek dan berilmu pengetahuan, dapatlah rakyat hidup dan menjalankan usaha-usaha mereka di kampung-kampung, dengan cara yang lebih baik daripada apa yang kita dapati pada hari ini.

Kerajaan berkehendakkan supaya seluruh rakyat terutama rakyat yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar dapat mengubah keadaan hidup mereka kepada satu penghidupan yang lebih sempurna, lebih baik dan lebih senang di dalam masa yang singkat dan Kerajaan tidak ingin sekali-kali menengok rakyat dalam keadaan yang serba kekurangan dan dalam kesusahan dan kesempitan yang berpanjangan. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab maka kenalah Kerajaan berikhtiar bagi mengatasi soalan-soalan tersebut.

Kita semua sedar bahawa penduduk-penduduk luar bandar adalah kebanyakannya terdiri dari orang-orang Melayu yang beragama Islam. Keadaan kehidupan mereka di kampung-kampung jika dibandingkan dengan kehidupan orang-orang yang tinggal di dalam bandar-bandar sangat berbeza dan adalah menyedihkan. Orang-orang di bandar-bandar boleh dikatakan hidupnya lebih senang dan lebih mewah daripada orang-orang yang tinggal di kampung-kampung.

Jadi, apa yang patut kita fikirkan dan ikhtiarkan bersama-sama sekarang ialah bagaimanakah jalan-jalan supaya membolehkan orang-orang kampung kita dapat hidup sama maju dan mewah sebagaimana hidup orang-orang di bandar-bandar.

Ringkasnya untuk hendak mendapatkan satu perubahan rakyat di kampung-kampung bagaimana yang saya katakan tadi itu, saya

rasa lebih senang dan lebih mudah dijalankan dengan tarikan Ugama. Kerana saya percaya di dalam Ugama kita yang maha suci sememang ada penuh dengan ajaran-ajaran bagi menggalakkan pemelok-pemeloknya bekerja dan berusaha supaya hidup mulia dan bahagia di dunia dan di akhirat. Dan lagi tidak kurang pula Islam mengajar kita ilmu-ilmu pendidikan akhlak, bermasyarakat yang baik dan sebagainya. Ugama tidak menyekat penganut-penganutnya daripada berusaha untuk mendapatkan kebahagiaan di dunia ini. Dengan sebab-sebab yang tertentu inilah maka di dalam Gerakan Pelajaran Dewasa kita ini ada dimasukkan Pelajaran Ugama Islam menjadi satu daripada mata pelajaran.

Di dalam sukatan pelajaran Ugama yang kita akan adakan dan jalankan itu tidaklah perlu rasanya kita mengajar orang-orang kampung tentang hukum-hukum halal haram, bersuci, sembahyang, puasa, naik haji dan seumpamanya. Kerana hukum-hukum Ugama yang seperti itu sememangnya diajar oleh guru-guru Ugama di kampung-kampung.

Tujuan Kementerian ini ialah hendak mengadakan pelajaran-pelajaran Ugama untuk penduduk-penduduk di luar bandar dalam perkara-perkara yang akan menimbulkan kesedaran kepada mereka di atas mustahaknya mengubah nasib dan falsafah hidup mereka dalam zaman pembangunan ini iaitu dengan berdasarkan ajaran Ugama bahawa "Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan kaum itu sendiri mengubahnya". Oleh itu mustahaklah dicari jalan supaya dapat rakyat berusaha dan mengeluarkan tenaga dengan sepenuh-penuhnya untuk memperbaiki keadaan hidup mereka dan dengan itu dapatlah mereka itu hidup dalam keadaan mewah dan makmur dalam Negara yang Merdeka seimbang dengan Negara-negara lain yang sudah maju dan bertamaddun di dalam dunia ini.

Sebagai Warganegara yang bertanggungjawab yang ingin maju adalah mustahak bagi tiap-tiap rakyat ada pada mereka semangat hendak berusaha, sanggup bekerja dan mahu berdiri di atas kaki sendiri dalam menjalankan usaha-usaha pembangunan Negara. Maka semangat berdiri di atas kaki sendiri dan semangat bergotong-royong itu—iaitu semangat yang sememang sudah ada pada orang-orang Melayu zaman dahulu—semangat inilah yang patut mesti kita timbulkan semula. Rasa saya satu daripada jalan yang berkesan ialah dari segi Ugama.

Suatu lagi saya suka menerangkan juga iaitu berkenaan dengan hal Ugama adalah di bawah kelolaan Kerajaan Negeri masing-masing. Sekali pun begitu saya berpendapat mustahak kita mengadakan satu Sukatan Pelajaran Ugama untuk kelas-kelas dewasa nescaya apa-apa juga hal-hal atau perkara-perkara Ugama yang diajar kepada pelajar-pelajar di kelas dewasa akan dapat pengertian dan fahaman yang sama di antara Negeri-negeri dalam Persekutuan ini. Jikalau masing-masing Negeri memakai Sukatan Pelajarannya masing-masing saya takut akan timbul perkara-perkara yang merumitkan kelak. Dalam hal itu pun kita terpaksa-lah pulangkan kepada timbangan Negeri masing-masing samada mereka bersetuju atau tidak, menerima sukatan pelajaran yang kita cadangkan itu. Tetapi saya percaya untuk kepentingan rakyat tidaklah menjadi keberatan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri menerima serta menjalankan sukatan Pelajaran yang kita rangkapkan itu. Saya percaya dengan pengetahuan dan pengalaman yang ada pada tuan-tuan itu, Jawatankuasa ini akan dapat memikir dan merundingkan perkara ini dengan telitinya dan saya yakin, keputusan yang akan dicapai itu nanti akan dapat dijalankan serta akan memberi faedah yang besar kepada rakyat dan Negara.

Akhirnya, sekali lagi saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada tuan-tuan semua serta saya mempunyai penuh harapan yang kita akan dapat mengadakan satu Sukatan Pelajaran Ugama Dewasa yang dengannya akan dapat memberi kesedaran dan faedah yang besar kepada orang-orang kita di kampung-kampung. Saya berdoa moga-moga Tuhan beri pertunjuk kepada kita semua dan dapatlah kita berkhidmat untuk mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat kepada rakyat sekaliannya.